



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705 (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15,

Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)

www.msig.com.my

A member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

INSURANS KEBAKARAN

Helaian Pendedahan Produk

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Kebakaran. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Polisi ini melindungi harta anda (bangunan dan/atau kandungan) terhadap kerugian atau kerosakan akibat Kebakaran & Kilat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi Kebakaran yang standard melindungi:

- Kebakaran, kilat dan letupan disebabkan oleh gas yang digunakan untuk kegunaan kediaman persendirian sahaja.

Anda boleh memperluaskan polisi ini untuk melindungi bahaya (peril) khas seperti berikut dengan bayaran premium tambahan:

- Kerosakan pesawat udara
- Gempa bumi atau letusan gunung berapi
- Petir, ribut
- Banjir
- Letupan
- Kerosakan hentaman
- Tangki, perkakas atau paip air pecah atau melimpah
- Kebakaran belukar / lalang
- Penenggelaman dan runtuh tanah - perlu lengkapkan Borang Soal Selidik Khas
- Pembakaran secara spontan
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat
- Kerosakan akibat pokok atau cabang pokok tertumbang dan objek terjatuh

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun dan anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar bergantung kepada pekerjaan atau perdagangan, jumlah diinsuranskan, jenis pembinaan bangunan tersebut berasaskan Tarif Kebakaran Semakan.

Premium minimum yang dikenakan untuk polisi ini adalah RM75.00 setelah ditolak mana-mana diskaun yang dibenarkan oleh Tarif Kebakaran selain daripada diskaun untuk komisen atau yuran broker.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Bayaran yang anda perlu bayar selain premium	Jumlah
• Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
• Duti Setem	RM 10.00
Bayaran yang termasuk dalam premium	Jumlah
• Komisen dibayar kepada ejen insurans (jika ada)	15% daripada premium

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

5. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan:** Ia adalah tugas anda untuk mendedahkan kepada MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") sesuatu perkara yang (a) anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kewajipan pendedahan anda hendaklah berterusan sehingga ke masa kontrak insurans itu dibuat, diubah atau diperbaharui.
Di mana anda membeli insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, kewajipan pendedahan di atas tidak akan terpakai. Sebaliknya, anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh Syarikat dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Dasar pembayaran ganti rugi untuk kerugian/kerosakan terhadap harta benda:**
 - Nilai Pasaran - ia akan membayar nilai harta diinsuranskan pada masa kerosakan atau kerugian setelah ditolak elaun untuk kehausan dan kelusuh dan/atau susut nilai dan tertakluk kepada pemotongan mana-mana lebihan dan amaun yang wajib ditanggung anda di bawah polisi ini.
 - Nilai Penggantian (baru atau lama) - ia akan membayar kos penuh untuk membaiki bangunan yang rosak tanpa sebarang pemotongan dibuat ke atas kehausan, kelusuh atau susut nilai, dengan syarat jumlah diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos untuk mengembalikan bangunan tersebut.
- **Lebihan,** sebagai amaun yang harus ditanggung anda sendiri sebelum anda dibayar balik. Ia diguna pakai untuk peril tertentu, contohnya tuntutan bagi tangki, perkakas atau paip air pecah atau melimpah, ribut angin dan banjir.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas kerugian tertentu, seperti:

- Kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran
- Kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana pihak berkuasa awam
- Kebakaran bawah tanah, pencemaran atau kontaminasi
- Perang, perang saudara dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membuat pembatalan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami pada bila-bila masa. Setelah pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium yang diselaraskan atas dasar kami mengekalkan premium jangka pendek biasa atau premium minimum.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam butiran diri anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Kebakaran, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Pusat Khidmat Pelanggan:
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel : (603) 2050 8228
Faks : (603) 2026 8086
Talian Perkhidmatan Pelanggan: 1800-88-MSIG (6744)
E-mel: myMSIG@my.msig-asia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Kebakaran yang disediakan:

- Polisi Empunya Rumah / Isi Rumah

NOTA PENTING:

ANDA DIKEHENDAKI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SESUAI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURAN ANDA ATAU BERHUBUNG DENGAN SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 1 Jun 2024.